

PEMBINAAN NEGARA DALAM *TIKUS RAHMAT* DAN *PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN*: SUATU KAJIAN PERBANDINGAN

HALIS AZHAN MOHD. HANAFIAH
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
halisreturn99@yahoo.com

ABSTRAK

Tikus Rahmat ialah sebuah karya sastera satira Melayu yang menceritakan tentang kejayaan sebuah masyarakat tikus membina sebuah negara bernama Tikusia Raya, manakala *Perlembagaan Persekutuan* ialah sebuah perlembagaan yang diguna pakai di negara Malaysia. Kedua-dua teks ini dibandingkan dengan menggunakan pendekatan keselarian, bertujuan meneliti perkara-perkara yang digemblengkan dalam proses pembinaan “negara”. Sehubungan dengan tujuan kajian, istilah “negara” diberikan takrifan yang menyeluruh. Daripada perspektif sosial, antara perkara yang digemblengkan dalam kedua-dua teks ialah hak asasi, agama/ “kepercayaan” dan bahasa rasmi. Seterusnya, daripada perspektif ekonomi, antara perkara yang digemblengkan dalam kedua-dua teks ialah perbendaharaan dan program pembangunan negara. Akhir sekali, daripada perspektif politik, antara perkara yang digemblengkan dalam kedua-dua teks ialah nama negara, ibu negara, wilayah dan perlembagaan, pilihan raya dan parlimen. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat keselarian dalam hal pembinaan “negara” dalam kedua-dua teks.

Kata kunci: pembinaan negara; perlembagaan; sosial; ekonomi; politik.

STATE BUILDING IN *TIKUS RAHMAT* AND *PERLEMBAGAAN* *PERSEKUTUAN*: A COMPARATIVE ANALYSIS

ABSTRACT

Tikus Rahmat is a Malay satire literary work which relates the story of a mice community which successfully builds a nation named Tikusia Raya, whilst *Perlembagaan Persekutuan* is a constitution which is implemented in Malaysia. Both texts are compared by using parallel approach, which scrutinizes issues of state building processes. In accordance to the purposes of this research, the term ‘state’ is defined in depth. From the social perspective, among issues that are being scrutinised in both texts are human rights, religions/”beliefs” and national language. From the economic perspective, among issues that are being scrutinesed in both texts are treasury dan national development programs. Lastly, from the political perspective, among issues that are being scrutinised are name of the state, capital, region and constitution, general election and the parliament. The research found out that there is a parallelism in terms of state building processes in both texts.

Key words: state building processes; constitution; social; economy; politics.

PENGENALAN

Pada dasarnya, kesusasteraan bandingan sebagai suatu disiplin ilmu tidak terbatas kepada usaha untuk mencari kesejajaran antara dua buah karya kreatif semata-mata. Malah, skop kajian kesusasteraan bandingan boleh juga melibatkan perbandingan antara sebuah karya kreatif dengan karya bukan kreatif atau karya ilmiah. Merujuk perkara ini, Remak (1990: 1) menegaskan bahawa kesusasteraan bandingan turut melibatkan perbandingan antara karya sastera dengan bidang-bidang ilmu yang lain (*other spheres of human expression*). Ini antaranya melibatkan bidang seni (seperti seni lukis, seni ukir, seni bina dan seni muzik), falsafah, sejarah, sains sosial (seperti sosiologi, ekonomi dan politik), sains, agama dan lain-lain lagi. Seterusnya, Charless Mills Gayley (dalam Bassnett, 1993: 33) pula menjelaskan bahawa kesusasteraan bandingan sepatutnya dilihat sebagai “filologi kesusasteraan” (*literary philology*) dengan menekankan kepentingan bidang psikologi, antropologi, linguistik, sains sosial, agama dan kesenian diterapkan dalam kajian ke atas sesebuah teks sastera. Ini dengan sendirinya mengukuhkan kepentingan kesusasteraan bandingan sebagai kajian antara disiplin (*interdisciplinary work*). Dua pandangan ini bukan sahaja menjelaskan bahawa sesebuah karya sastera tidak dihasilkan dengan kekosongan makna, malah menegaskan bahawa pemahaman terhadap sesebuah karya sastera itu dapat diperkukuhkan lagi dengan maklumat-maklumat yang terdapat dalam teks-teks bukan sastera yang berkaitan.

Antara disiplin ilmu yang dianggap sangat rapat dengan penghasilan sesebuah karya sastera ialah sosiologi. Hal ini tidak dapat dikesampingkan kerana secara umumnya sesebuah karya sastera memerlukan watak-watak manusia (atau watak-watak lain yang digambarkan mempunyai sifat-sifat seperti manusia) yang menjalankan tugas untuk mengembangkan plot. Aspek realiti seterusnya menuntut penulis menerokai maklumat-maklumat daripada berbagai-bagai sumber untuk digambarkan dan diperihalkan semula dalam karya sasteranya. Bertolak dari premis ini, kajian ini akan berusaha meneliti keselarian yang terdapat dalam sebuah karya kreatif yang memperkatakan kehidupan sebuah masyarakat dalam suatu sistem berperlembagaan, dengan sebuah buku perlembagaan. Dalam usaha mencari titik pertemuan ini, kata kunci yang menemukan kedua-dua karya ialah “pembinaan negara”.

SKOP PERBINCANGAN

Perbincangan ini pada dasarnya bertujuan mencari kesejajaran tentang proses pembinaan negara yang terdapat dalam novel *Tikus Rahmat* (2001) karya Hassan Ibrahim dengan proses pembinaan negara yang termaktub dalam *Perlembagaan Persekutuan* yang diguna pakai oleh kerajaan Malaysia.

Novel *Tikus Rahmat* (*TR*) ialah sebuah karya satira yang diterbitkan oleh Kedai Buku Mustafa & Yusof pada tahun 1963. Novel ini kemudian diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1975 dan menjadi salah sebuah teks dalam siri Novel Malaysia Pilihan Abad 20. Sebagai sebuah karya sastera satira, *TR* dapatlah dikatakan sebagai wahana untuk menyindir dan mempersendakan ahli-ahli politik yang rakus dan oportunistik dalam menggunakan kuasa politik. Ini jelas dalam *TR* apabila penulis didapati menggembelngkan watak-watak tikus daripada jenis-jenis tikus yang berbeza jenis, dengan setiap jenis tikus diceritakan mempunyai kecenderungan untuk memperjuangkan “bangsa” (iaitu jenis tikus) masing-masing ketika bersama-sama membina negara Tikusia Raya yang bebas dan merdeka. Watak protagonis yang digembelngkan dalam *TR* ialah seekor tikus putih bernama Tikus Rahmat yang diceritakan memimpin segala jenis tikus ketika membebaskan diri daripada ancaman kucing, anjing dan manusia di sebuah perkampungan orang asli.

Dalam novel ini, Tikus Rahmat hadir dengan perwatakannya sebagai seekor tikus yang berpandangan jauh, pintar dan bijak berpidato. Di sebalik segala muslihat terselindung yang menjamin kepentingan peribadi dan jenisnya, Tikus Rahmat diceritakan berusaha memperagakan ciri-ciri kepimpinannya ketika menjalankan tugas-tugas sebagai pemimpin negara. Ini terserlah dengan jelas dalam novel, iaitu selepas memasyhurkan Proklamasi Kemerdekaan Tikusia Raya (iaitu dokumen pengisytiharan kemerdekaan bagi semua jenis tikus di “negara” yang dinamakan Tikusia Raya), watak Tikus Rahmat diceritakan menyusun pentadbiran kerajaan tikus berkenaan dengan berkesan. Ini antaranya dengan menggubal Prinsip Ketikusan (iaitu suatu dokumen yang dikatakan menjamin hak asasi setiap tikus di negara Tikusia Raya), memperkenalkan pilihan raya tikus, membentuk Persidangan Agung Tikus-tikus (iaitu parlimen bagi wakil-wakil tikus dari seluruh negara Tikusia Raya bersidang) dan membina prasarana, seperti membaik pulih lorong-lorong tikus di ladang dan lembah dan menggali lubang untuk menyimpan padi yang dirancang melalui Rancangan Kemajuan Tikusia Raya. Melalui langkah-langkah proaktif dan progresif ini, tikus-tikus di negara Tikusia Raya pada dasarnya berpotensi menikmati suatu bentuk kehidupan yang harmoni dan tersusun. Akan tetapi, dengan kuasa-kuasa politik yang dimilikinya juga, watak Tikus Rahmat dan jenis tikus putih diceritakan memanipulasi fasa-fasa tertentu dalam Proklamasi Kemerdekaan Tikusia Raya dan Prinsip Ketikusan yang asal untuk mendapat manfaat sosial, ekonomi dan politik. Kesan besar daripada perbuatan ini ialah jenis tikus putih mendapat kehidupan yang jauh lebih selesa. Selain itu, secara sistematik juga jenis tikus putih berjaya melebarkan jurang sosial mengatasi jenis-jenis tikus yang lain. *TR* seterusnya menceritakan bahawa jenis-jenis tikus yang lain lama-kelamaan sedar akan politik kotor yang diamalkan oleh Tikus Rahmat dan jenis tikus putih seluruhnya, dan dengan itu mereka berusaha mengatasi masalah ini dalam dua pilihan raya tikus seterusnya di negara Tikusia Raya. *TR* seterusnya menceritakan bagaimana negara Tikusia Raya menghadapi tragedi rusuhan dan kehancuran setelah tikus ladang, tikus lembah dan tikus rumah memberontak terhadap kerajaan Tikusia Raya yang dikuasai oleh jenis tikus putih kerana mereka (iaitu tikus-tikus putih) secara keterlaluan menindas tikus-tikus daripada jenis-jenis yang lain. Memenuhi fungsi satiranya pula, *TR* dapat dikatakan menjadi wahana untuk mengingatkan pihak pemerintah tentang perkara-perkara buruk yang mungkin berlaku ke atas sesebuah negara apabila prinsip-prinsip perlembagaan tidak dipatuhi.

Perlembagaan Persekutuan (PP) pula ialah sebuah buku perlembagaan tanpa nama penulis. Untuk perbincangan ini, naskhah yang digunakan ialah naskhah yang diterbitkan oleh Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd. pada tahun 2010. Buku setebal 320 halaman ini mempunyai 15 bahagian yang menerangkan dan membincangkan secara terperinci semua perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai suatu kanun, perkara-perkara ini adalah mutlak dan perlu dipatuhi oleh setiap warganegara, melainkan sehingga diputuskan perlu dilakukan apa-apa perubahan oleh majoriti ahli parlimen Malaysia yang bersidang di dewan parlimen. Walau bagaimanapun, fokus perbincangan ini adalah terhad kepada perkara-perkara yang dianggap turut dipraktikkan oleh penulis *TR* untuk ketika menukilkan cerita tentang bentuk pentadbiran di negara Tikusia Raya. Justeru, hanya perkara-perkara tertentu dalam *PP* sahaja yang dibincangkan dalam kajian ini. Untuk tujuan ini juga, perbincangan ini akan memanfaatkan pendekatan keselarian. Pada masa yang sama, perkara-perkara yang dibandingkan ini adalah tertakluk kepada definisi konsep “negara” yang akan dibincangkan seterusnya.

Kajian perbandingan ini mengambil beberapa pertimbangan awal, iaitu:

1. *TR* ialah karya sastera satira tentang struktur sosial, ekonomi dan politik bagi sebuah masyarakat tikus. *PP* pula ialah sebuah buku perlembagaan yang membincangkan undang-undang dan perlembagaan Malaysia, yang tidak terpisah daripada struktur sosial, ekonomi dan politik di Malaysia.

2. *TR* berkait dengan latar masyarakat (tikus) yang majmuk. Malaysia juga mempunyai latar masyarakat (manusia) yang majmuk.
3. Negara Tikusia Raya membentuk perlembagaan berasaskan Prinsip Ketikusan selepas merdeka daripada tikus, anjing dan manusia. Malaysia membentuk kerajaan berasaskan Perlembagaan Persekutuan yang digubal selepas dijanjikan kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.
4. *TR* mengungkap masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik yang dihadapi oleh masyarakat tikus selepas pemasyhuran Prinsip Ketikusan. *PP* menggariskan perkara-perkara yang berkait rapat dengan isu-isu sosial, ekonomi dan politik di Malaysia.

DEFINISI KONSEP: “NEGARA”

Dalam kajian ini, adalah penting istilah “negara” difahami dengan jelas. Hal ini disebabkan pembentukan sesebuah negara adalah suatu proses yang kompleks dan rumit, yang mengambil kira banyak pertimbangan sosial, ekonomi dan politik.

Berhubung perkara ini, istilah “negara” ditakrifkan oleh Mohd. Salleh Abbas (1984: 6) sebagai sebuah masyarakat politik yang telah mencapai kemerdekaan dan memiliki sebuah kerajaan yang berkuasa, wilayah dan penduduk. Seterusnya, Mohd. Salleh Abbas dan Salleh Buang (2006: 4) kemudian menjelaskan lagi bahawa sesebuah “negara” itu berkeupayaan untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain. Seterusnya, Ruslan Zainuddin, Mohd. Mahadee Ismail dan Zaini Othman (2010: 5) mentakrifkan “negara” sebagai suatu unit politik yang mempunyai penduduk di sesuatu kawasan atau wilayah yang mempunyai sempadan yang jelas, diperintah oleh sebuah kerajaan yang mempunyai kedaulatan dan sah, serta berkuasa untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang yang akan dipatuhi oleh seluruh rakyatnya. Seterusnya, menurut Rodee, Anderson, Christol & Greene (1981: 20, 1983: 34-36) ula, unsur-unsur yang membentuk “negara” (*state*) ialah rakyat, wilayah, kerajaan dan kedaulatan. Seterusnya, Danziger (2007: 12) menjelaskan bahawa aspek kedaulatan adalah penting kepada sesebuah kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang yang digubal dan dikuatkuasakan terhadap rakyatnya. Selain itu, kerajaan bagi sesebuah negara berdaulat bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan, melantik penguatkuasa undang-undang dan menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa luar (Magstadt, 2006: 6-7).

Berdasarkan takrifan-takrifan ini, konsep “negara” dapatlah disimpulkan sebagai sebuah entiti politik yang merangkumi unsur “penduduk” atau “rakyat”, “kawasan” atau “wilayah”, dan “kerajaan” yang merdeka dan berdaulat, serta memiliki “punca kuasa” daripada suatu sistem yang terpelihara. “Punca kuasa” ini membolehkan kerajaan menguatkuasakan secara sistematis undang-undang yang diperakukan melalui perlembagaan yang digubal secara bersama dan dipersetujui oleh majoriti rakyat. Kerajaan yang memegang kuasa adalah bertanggungjawab untuk mentadbir serta memajukan dan memakmurkan negara dari segi sosial, ekonomi dan politik.

ANALISIS

Perbincangan tentang pembinaan negara dalam *TR* dan perbandingan dengan hal-hal yang sama dalam *PP* diteliti daripada tiga perspektif yang dominan dalam sesebuah masyarakat. Tiga perspektif ini ialah persepektif sosial, perspektif ekonomi dan perspektif politik. Perbincangan ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan petikan-petikan yang terdapat dalam kedua-dua teks.

Perspektif Sosial dalam Pembinaan Negara

Untuk menjelaskan tentang proses pembinaan negara, perspektif pertama yang akan dibincangkan ialah perspektif sosial. Dalam hal ini, negara Tikusia Raya dianggap memenuhi sifat-sifat sebuah negara majmuk. Hal ini disebabkan tikus-tikus yang menduduki “negara” ini terdiri daripada jenis-jenis tikus yang berbeza dan mendiami kawasan-kawasan yang berbeza mengikut kesesuaian cara hidup masing-masing. Selain itu, tikus-tikus daripada jenis yang berbeza ini juga mengamalkan cara hidup dan kepercayaan yang berbeza. Perbezaan latar belakang dan kebolehan mencari rezeki seterusnya mengakibatkan tikus-tikus ini menjalani bentuk kehidupan yang berbeza-beza. Akan tetapi, sebagai “rakyat” bagi sebuah “negara” tikus, tikus-tikus daripada sesuatu jenis tikus tidak dihalang daripada bercampur-gaul dengan tikus-tikus daripada jenis-jenis lain di negara Tikusia Raya itu. Sebagai perbandingan, hal yang sama dianggap mempengaruhi pembentukan perlembagaan persekutuan di Malaysia kerana rakyatnya adalah terdiri daripada masyarakat (manusia) berbilang bangsa yang dibezakan oleh latar sejarah. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa dari sudut sejarah, antara kecenderungan awal kerajaan Malaysia (iaitu sejak dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaya) ialah memastikan keseimbangan sosial dapat dikekalkan. Keadaan ini dianggap membolehkan seluruh rakyatnya menjalani kehidupan yang aman, damai dan harmoni, tanpa kemungkinan menghadapi masalah rusuhan kaum.

Watak Tikus Rahmat dalam *TR* diceritakan menyedari bahawa masalah utama yang dihadapinya untuk membentuk negara Tikusia Raya yang aman, damai dan harmoni ialah menyatukan masyarakat tikus yang berbeza jenis-jenisnya. Dengan itu, watak Tikus Rahmat kemudian diceritakan memberi jaminan bahawa setiap ekor tikus di negara Tikusia Raya dijamin hak-haknya yang sama rata, yang mencakupi hak untuk hidup, hak kebebasan dan hak mengejar kebahagiaan. Dengan itu, semua tikus dinyatakan berhak dan bebas berusaha untuk memajukan kehidupan masing-masing, dengan syarat mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara Tikusia Raya. Perkara ini kemudian dikejapkan dalam *TR* melalui Prinsip Ketikusan yang menyatakan seperti berikut:

1. “Sesungguhnya tiap-tiap tikus itu dilahirkan sama, dan mempusakai hak asasi yang sama. Hak asasi ini tak dapat dirampas oleh kucing, anjing atau manusia. Hak ini ialah hak hidup, hak kebebasan dan hak mengejar kebahagiaan. Tiap-tiap tikus mempunyai hak yang sama bagi menjaga keselamatan dirinya”.

(Hassan Ibrahim, 2001: 15)

Dalam *PP*, perkara yang menyatakan hak untuk hidup, hak kebebasan dan hak mengejar kebahagiaan yang terdapat dalam Prinsip Ketikusan, didapati turut menjadi keutamaan dalam Perlembagaan Persekutuan apabila dinyatakan dalam Perkara 5 (1). Pada asasnya, Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang hal-hal ini dilaksanakan oleh setiap individu yang menjadi rakyat Malaysia, melainkan apabila berlakunya jenayah yang bidang kuasa tertakluk kepada peruntukan Mahkamah Tinggi seperti dalam Perkara 5 (2), seperti yang berikut :

5 Kebebasan Diri

- (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali melalui undang-undang.
- (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah,

hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

(*PP*, 2010: 4-5)

Seterusnya, ketika watak Tikus Rahmat menubuhkan negara Tikusia Raya, suatu hal yang disedarinya ialah tikus-tikus itu yang menjadi rakyat negara itu berasal daripada pelbagai jenis dan kawasan, dan dengan itu hal “kepercayaan” (bagi merujuk hal “agama”, seperti yang terdapat dalam konteks kehidupan manusia) yang dianuti oleh tikus-tikus termasuk dalam pertimbangannya (Tikus Rahmat) sebelum Prinsip Ketikusan dimasyhurkan. Dalam novel ini, jenis tikus putih, tikus rumah dan tikus lembah diceritakan menganut “kepercayaan” mengikut ajaran Nabi Sulaiman, dan Tikus Rahmat yang mengetuai kerajaan Tikusia Raya tidak memaksa jenis-jenis tikus yang lain, seperti tikus ladang, untuk menganut “kepercayaan” yang sama atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama juga suatu “kepercayaan” rasmi perlu ditetapkan di negara Tikusia Raya. Justeru, hal ini dimasyhurkan melalui ketetapan Prinsip Ketikusan, seperti yang berikut.

4. “Tiap-tiap tikus boleh menganut apa saja kepercayaan, TETAPI kepercayaan tikus putih mesti diagungkan; ...”

(Hassan Ibrahim, 2001: 16)

Secara perbandingan pula, hal agama atau “kepercayaan” ini turut mendapat tempat dalam *PP* kerana rakyat Malaysia secara umumnya terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan keturunan. Pada masa yang sama, sejarah di Malaysia sejak zaman dahulu kala pula menunjukkan bahawa agama Islam menjadi teras kehidupan masyarakat peribumi di Tanah Melayu. Dengan kata lain, ajaran agama Islam banyak diamalkan dalam kehidupan masyarakat tempatan iaitu orang Melayu, sehingga mempengaruhi dasar-dasar sosial dan kebudayaan. Daripada hal inilah, maka agama Islam telah dinyatakan sebagai agama rasmi bagi negara Malaysia seperti dalam Perkara 3 (1). Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang menganut agama-agama lain dibenarkan mengamalkan ajaran agama masing-masing secara bebas, seperti yang berikut:

3 Agama

(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan

(*PP*, 2010: 2)

Seterusnya, terangkum dalam pembinaan negara ialah keperluan untuk memiliki bahasa rasmi. Watak Tikus Rahmat juga diceritakan tahu dan sedar bahawa terdapat keperluan bagi kerajaan tikus di negara Tikusia Raya untuk menetapkan suatu bahasa rasmi yang digunakan oleh semua tikus. Ini kerana sebagai sebuah “bangsa” (iaitu jenis tikus) yang merdeka dan berdaulat, negara Tikusia Raya memerlukan suatu bahasa rasmi yang diketahui oleh seluruh masyarakatnya dan digunakan oleh semua urusan mereka. Dengan kata lain, penggunaan bahasa rasmi ini dianggap penting untuk menyatukan tikus-tikus di seluruh negara Tikusia Raya. Dalam *TR*, perkara ini diceritakan tidak dimeterikan lebih awal ketika pemyshuran Prinsip Ketikusan, sehinggalah setelah negara itu (Tikusia Raya) mencapai suatu tahap kemajuan dan kemakmuran, watak Tikus Rahmat dan jenis tikus putih akhirnya menggunakan kuasa politik yang mereka miliki untuk menetapkan “cok-cak” (iaitu bahasa tikus putih) sebagai bahasa rasmi yang digunakan di seluruh negara Tikusia Raya, seperti dalam petikan yang berikut:

Dalam Persidangan Agung Tikus, soal cok-cak dikemukakan lagi. Persatuan Tikus-tikus Tikusia Raya menetapkan bahawa cok-cak tikus putih dijadikan cok-cak umum. Cok-cak Raden bagi semua tikus Tikusia Raya.

(Hassan Ibrahim, 2001: 104)

Sebagai perbandingan dalam *PP*, bahasa Melayu telah ditetapkan sejak awal lagi sebagai rasmi melalui Perkara 152 (1) sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Ini bererti, bahasa

Melayu menjadi suatu bahasa yang wajib diketahui oleh seluruh rakyatnya dan digunakan dalam semua rusan rasmi. Walau bagaimanapun, *PP* turut menyatakan bahawa kelonggaran diberikan kepada bangsa-bangsa lain yang tinggal di Malaysia untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing selagi penggunaannya bukan dengan maksud atau tujuan rasmi, seperti yang berikut:

152 Bahasa kebangsaan

- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa:-

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan

(*PP*, 2010: 188-189)

Berdasarkan perkara-perkara yang diutarakan di atas, iaitu hak asasi, agama dan kepercayaan dan bahasa bagi setiap rakyat, adalah jelas bahawa terdapat keselarisan antara Prinsip Ketikusan di negara Tikusia Raya dengan Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Penting juga dijelaskan bahawa perkara-perkara ini digubal dalam setiap perlembagaan dalam usaha kedua-dua kerajaan untuk mewujudkan suasana yang adil dan saksama dan menjamin kesejahteraan semua rakyatnya.

Perspektif Ekonomi dalam Hal Pembinaan Negara

Perbincangan seterusnya beralih kepada perspektif kedua, iaitu perspektif ekonomi. Dalam *TR*, kawasan perkampungan orang asli yang menjadi tapak negara Tikusia Raya pada asalnya diceritakan sebagai sebuah kawasan petempatan yang mewah dengan makanan. Walaupun sering dibelenggu perasaan takut akan ancaman kucing, anjing dan manusia, tetapi tikus-tikus yang tinggal di sini tidak pernah menghadapi masalah kebuluran dan boleh menikmati apa-apa sahaja makanan sama ada yang terdapat diladang atau yang dicuri daripada manusia. Walau bagaimanapun, selepas manusia (orang asli) meninggalkan petempatan itu (kerana tidak tahan dengan masalah yang ditimbulkan oleh tikus-tikus) dengan membawa kucing-kucing dan anjing-anjing peliharaan mereka, tikus-tikus diceritakan mulai menghadapi masalah keputusan makanan. Ini kerana masyarakat orang asli meninggalkan sawah padi mereka terbiar begitu sahaja, dan mengusahakan tanah-tanah di tempat lain yang jauh dari petempatan asal mereka. Dalam konteks masyarakat tikus itu pula, butir-butir padi yang menjadi makanan mereka dianggap mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Selain itu, kemampuan seseekor tikus memiliki bilangan padi yang banyak dengan sendirinya mencerminkan kemewahan yang dimilikinya. Dengan masalah kekurangan padi yang berleluasa inilah, watak Tikus Rahmat yang mengetuai pentadbiran negara Tikusia Raya diceritakan perlu memikirkan jalan untuk menjana semula kemakmuran negara itu.

Seperti yang dinyatakan lebih awal, perihal kemakmuran ekonomi dalam *TR* ditunjukkan dengan kaedah pemilikan padi yang menjadi makanan utama bagi masyarakat tikus. Disebabkan sumber padi di Tikusia Raya mula berkurangan, maka watak Tikus Rahmat mencadangkan agar tikus-tikus di negara Tikusia Raya mengambil butir-butir padi yang baru masak di kawasan Sentosa Raya dan menyimpan sebahagiannya di sebuah lubang besar yang kemudian dikenali sebagai Gedung Maha Agung Negara Tikusia Raya. Pada masa yang sama juga, butir-butir padi yang dianggap mempunyai nilai yang tinggi dalam kehidupan tikus

dijadikan aset kerajaan yang membangunkan negara Tikusia Raya. Ini jelas apabila butir-butir padi dalam Gedung Maga Agung Negara Tikusia Raya itu diceritakan menjadi hak bersama dan dapat juga digunakan sebagai upah kepada tikus-tikus yang bekerja bagi menjayakan projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Tikusia Raya. Nilai padi kepada masyarakat tikus boleh difahami seperti dalam petikan yang berikut:

Sekarang masalah ini senang saja diatasi. Sentosa Raya sekarang sedang terbit padinya. Dan saya telah difahamkan oleh tikus ladang bahawa padinya akan masak dalam sebulan dua lagi. Oleh yang demikian kita mesti siap sedia. Yang utama sekali kita mesti menyediakan gedung yang besar untuk menyimpan padi yang akan kita kutip itu. Kita akan panggil gedung ini, Gedung Maha Agung Negara Tikusia Raya.

(Hassan Ibrahim, 2001: 47)

Secara perbandingan pula, kemerdekaan daripada penjajah Inggeris bermakna Malaysia (atau nama pada ketika itu ialah Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaya) berhak mengurus kemakmuran ekonomi sendiri tanpa campur tangan kuasa asing. Kekayaan negara dikumpulkan melalui ketetapan Perkara 97 (1), seperti yang berikut:

97 Kumpulan Wang Disatukan

- (1) Segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang persekutuan, hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(PP, 2010: 112)

Novel seterusnya menceritakan bahawa termasuk dalam agenda Rancangan Kemajuan Tikusia Raya ialah jalan yang ditambak ke kawasan Sentosa Raya, iaitu sebuah kawasan yang lebih mewah dengan hasil padi. Rancangan pembinaan jalan itu digambarkan telah dirangka secara telus untuk menjalin hubungan muhibah antara dua buah kawasan tikus dan pada masa yang sama memakmurkan ekonomi negara Tikusia Raya. Akan tetapi, suatu muslihat yang diceritakan terselindung di sebalik rancangan ini ialah jalan itu sebenarnya dibina bagi membolehkan jenis tikus putih yang kecil dan tidak kuat bekerja berkeliaran di kawasan baharu. Selain itu, jalan itu menjadi laluan bagi perkahwinan anak Tikus Rahmat yang diceritakan bertemu jodohnya dengan anak tikus putih dari kawasan Sentosa Raya. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kos pembinaan bagi memajukan negara boleh diambil daripada Gedung Maha Agung Negara Tikusia Raya.

Lorong-lorong ke Pekan Rumbia telah ditambak dengan lumpur dan batu-batu kecil. Kerja ini telah dilakukan sejak beberapa bulan dulu. Ia termasuk dalam Rancangan Kemajuan Tikusia Raya.

(Hassan Ibrahim, 2001: 59-60)

Dalam konteks perlembagaan Malaysia, Kumpulan Wang Disatukan seperti termaktub dalam Perkara 97 (1) digunakan untuk menanggung kos-kos pembangunan negara. Dalam hal ini, wang ini dikumpulkan daripada hasil-hasil ekonomi negara, yang antaranya meliputi bidang perindustrian, pertanian, perlombongan dan sebagainya, yang kemudian digunakan semula melalui projek-projek kerajaan. Hal ini menjadi ketetapan dalam Perkara 98 (1).

98 Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

- (1) Maka hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan sebagai tambahan apa-apa pemberian, saraan atau wang lain yang dipertanggungjawabkan sedemikian melalui mana-mana Perkara lain atau undang-undang Persekutuan

(PP, 2010: 113)

Berdasarkan perkara-perkara yang diutarakan di atas, iaitu pemilikan harta sebagai aset negara dan kegunaannya semula untuk memajukan negara, adalah jelas bahawa terdapat keselarisan di negara Tikusia Raya dan Malaysia. Dengan kata lain, kedua-dua negara

berusaha mewujudkan perbendaharaan masing-masing, yang bertujuan memastikan bahawa negara itu mempunyai sumber ekonomi yang teguh dan dapat dipulangkan semula kepada rakyatnya dalam bentuk program-program pembangunan negara.

Perspektif Politik dalam Pembinaan Negara

Seterusnya, perbincangan ini beralih kepada perspektif yang ketiga, iaitu perspektif politik. Dalam hal ini, sejak awal lagi *TR* menghadirkan Tikus Rahmat sebagai watak tikus yang pintar dan berpandangan jauh yang berjaya memimpin “kemerdekaan” masyarakat tikus daripada ancaman kucing, anjing dan manusia. Perihal “kemerdekaan” ini ditandai dalam novel melalui Proklamasi Kemerdekaan Tikusia Raya yang dengan rasminya mengangkat kedaulatan negara dan “bangsa” tikus. Tikus-tikus ini seterusnya menjadikan Pekan Rumbia, iaitu sebuah pondok di tengah sawah, sebagai pusat pentadbiran “negara” Tikusia Raya. Di Pekan Rumbia inilah, tikus-tikus ini kemudian diceritakan mendirikan beberapa institusi penting bagi sesebuah negara iaitu pejabat dan kediaman ketua negara (iaitu watak Tikus Rahmat), dewan parlimen (iaitu Persidangan Agung Tikus-tikus), perbendaharaan (iaitu Gedung Maha Agung Negara Tikusia Raya), sekolah dan sebagainya. Selain itu, pengisytiharan kemerdekaan ini juga menjadi usaha politik yang penting dan signifikan, apabila dengannya telah memasyhurkan nama “negara” itu sebagai Tikusia Raya dan menyatukan jenis-jenis tikus yang berbeza corak dan amalan hidup masing-masing untuk menjadi suatu “bangsa” yang patuh pada undang-undang dan peraturan di bawah suatu pentadbiran yang strategis dan sistematis, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Sekarang kita bebas. Kita adalah sejenis dan seketurunan. Kita sekeluarga... saya berharap dengan penuh harapan, bahawa kita akan bersama-sama bertugas dengan lebih cekap dan giat lagi, dengan lebih cergas dan bertanggungjawab lagi kerana sekarang usaha dan keuntungan yang kita capai adalah milik kita sendiri. Semuanya akan mengalir pada kita. Semua hasil akan berpulang kepada kita... Ia tidak akan tumpah ke tempat lain. Dari hari ini kita akan panggil kawasan kita ini Tikusia Raya.

(Hassan Ibrahim, 2001: 10-11)

Hal pemasyhuran nama negara dan penguatkuasaan perlembagaan seperti yang dilakukan oleh watak Tikus Rahmat dalam *TR* turut menjadi perkara utama dalam Perlembagaan Persekutuan yang termaktub seawal Perkara 1 (1), Perkara 4 (1) dan Perkara 154 (1). Tiga perkara ini meletakkan pemahaman umum bahawa semua peraturan dan undang-undang meliputi segenap fasa kehidupan rakyat Malaysia adalah sah, dan berkuatkuasa dalam lingkungan wilayah yang berdaulat.

1 Nama, negeri-negeri dan wilayah-wilayah Persekutuan

- (1) Persekutuan dinamai Malaysia dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris.
(*PP*, 2010: 1)

4 Undang-undang utama Persekutuan

- (1) Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

(*PP*, 2010: 3).

154 Ibu Kota Persekutuan

- (1) Sehingga diputuskan selainnya oleh Parlimen, perbandaran Kuala Lumpur ialah ibu kota Persekutuan.

(*PP*, 2010: 194)

Negara Tikusia Raya kemudian diceritakan mengalami perubahan apabila wilayah-wilayah tikus disusun menjadi sebuah kesatuan politik melalui pelaksanaan pilihan raya tikus yang pertama. Pengenalan pilihan raya tikus ini dan pemilihan wakil rakyat tikus

dalam sistem demokrasi mengubah iklim politik masyarakat tikus apabila konsep kekuasaan “barbarik”, iaitu “siapa kuat menjadi ketua”, tidak lagi dipraktikkan. Ini sekali gus bererti, seekor tikus mondok yang gagah perkasa dalam *TR*, iaitu watak Sinar Gagah Badan yang sebelumnya boleh menikmati kuasa politik dengan mudah melalui kekuatan fizikal yang dimilikinya kini perlu melalui proses yang sama. Pada masa yang sama, kuasa politik feodal yang lumrahnya diwarisi secara turun-temurun turut dimansuhkan. Ini terserlah dengan jelas dalam novel apabila Tikus Garang (iaitu watak anak harapan Tikus Rahmat sendiri) diceritakan terpaksa bekerja keras memenangi undi dalam pilihan raya tikus. Hal ini dapat dilihat dalam petikan-petikan berikut:

Sebaik saja rancangan itu diumumkan, pilihan raya ditetapkan. Ia diadakan dalam tempoh enam bulan. Kawasan Tikusia Raya itu dibahagi-bahagikan. Pertama ia dibahagi dua iaitu darat dan baruh. Yang darat meliputi kebun-kebun getah, dan kebun-kebun sayur yang ditinggalkan oleh manusia. Ini termasuklah reban-reban ayam, bangsal-bangsal buruk dan pondok-pondok manusia. Yang baruh meliputi sawah, kawasan-kawasan pokok rumbia dan kolam-kolam air. Dan untuk kemudahan mengundi kawasan baruh dan darat ini dipecah-pecahkan lagi kepada kawasan-kawasan kecil.

(Hassan Ibrahim, 2001: 29)

Sambil menerangkan cara-cara mengundi, Sinar Gagah Badan tidak lupa menokok tambah agar tikus mengundi wakil tikus putih dan tikus mondok. Ia berulang-alik menasihatkan supaya tikus berhati-hati bila hendak mengundi takut-takut tersalah undi. Tikus Rahmat dan dirinya dijadikan sebagai contoh.

(Hassan Ibrahim, 2001: 30)

Tikus Rahmat sudah uzur badannya. Jarang ia keluar dari sarangnya. Ia keluar sekali-sekala saja. Dan itu pun bila kehadirannya sangat diperlukan. Sekarang ia berharap anaknya akan mengambil tempatnya, sebagai pemimpin tikus putih.

(Hassan Ibrahim, 2001: 78)

Tikus Garang sangat puas hati. Usahanya mendatangkan faedah yang sangat besar. Ia sendiri tidak menduga kejayaan yang dicapainya ini kerana layanan dan reaksi tikus-tikus semasa kempennya dulu sangat mencurigakan.

(Hassan Ibrahim, 2001: 91-92)

Sebagai perbandingan, pelaksanaan pilihan raya umum dalam amalan demokrasi berparlimen telah menjadi landasan pentadbiran dan perundangan sejak tahun 1955 lagi, iaitu apabila Malaysia (ketika itu dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaya) direncanakan akan memperoleh kemerdekaan daripada penjajah Inggeris pada tanggal 31 Ogos 1957. Dalam pilihan raya pertama itu, calon-calon daripada parti-parti yang diperakui sah bertanding untuk mendapatkan undi majoriti dan memenangi “kerusi” (iaitu kawasan parlimen atau dewan undangan negeri). Seterusnya, parti yang memenangi bilangan kerusi yang terbanyak diisytiharkan menguasai dewan parlimen (di peringkat negara) atau dewan undangan negeri (di peringkat negeri) bagi tempoh maksimum lima tahun. Parti yang sama juga seterusnya memilih salah seorang daripada wakil rakyat mereka sebagai Perdana Menteri (bagi menerajui negara) atau Menteri Besar/Ketua Menteri (bagi mengetuai negeri). Amalan ini diterapkan selepas kemerdekaan melalui perlembagaan yang dikuatkuasakan seperti dalam Perkara 44, Perkara 46 (1) dan Perkara 113 (1).

44 Keanggotaan Parlimen

Kuasa perundangan persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang Di-Pertuan Agung dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

(*PP*, 2010: 50)

46 Keanggotaan Dewan Rakyat

(1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri dua ratus dua puluh dua orang ahli dipilih.

(*PP*, 2010: 51)

113 Perjalanan Pilihan Raya

(1) Maka hendaklah ada suatu Suruhan Jaya Pilihan Raya yang hendaklah ditubuhkan mengikut Perkara 114, yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang Persekutuan, hendaklah menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri dan menyediakan dan menyemak daftar pemilih bagi pilihan raya itu.

(*PP*, 2010: 130)

Susulan pelaksanaan pilihan raya tikus itu, watak Tikus Rahmat kemudian diceritakan memperkenalkan sebuah parlimen yang dikenali sebagai Persidangan Agung Tikus-tikus. Tugas dan tanggungjawab wakil-wakil rakyat tikus ini ialah membentangkan dan membahaskan rang undang-undang yang perlu dikuatkuasakan demi pembangunan dan kesejahteraan negara Tikusia Raya dan bangsa tikus, seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Dalam Persidangan Agung Tikus-tikus, banyak soal dibincangkan. Cara hidup mereka. Soal mencari nafkah. Soal pembangunan. Soal keselamatan Tikusia Raya. Dan soal kedudukan wakil tikus, terutama tikus putih.

(Hassan Ibrahim, 2001: 97-98)

Sebagai perbandingan, Perlembagaan Persekutuan pula memperakukan parlimen sebagai kuasa eksekutif tertinggi di Malaysia yang boleh menggubal dan meluluskan undang-undang selepas pembentangan dan perbahasan oleh ahli-ahli parlimen seperti ketetapan dalam Perkara 66 (1). Walau bagaimanapun, parlimen Malaysia terbahagi kepada dua dewan, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Keanggotaan Dewan Negara adalah atas perkenan Yang Di-Pertuan Agung selaku Ketua Negara seperti dalam Perkara 45 (2), sementara keanggotaan Dewan Rakyat adalah melalui keputusan pilihan raya dan ditentukan oleh rakyat, seperti yang berikut:

66 Perjalanan Kuasa Perundangan

(1) Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang hendaklah dijalankan melalui Rang Undang-undang yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen (atau, dalam hal yang disebut dalam Perkara 68, oleh Dewan Rakyat) dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perkara ini, diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agung.

(*PP*, 2010: 69)

45 Keanggotaan Dewan Negara

(2) Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agung hendaklah orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang asli.

(*PP*, 2010: 50-51)

Selain itu, Persidangan Agung Tikus-tikus mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang dengan pindaan perlembagaan perlu mendapat persetujuan undi dua pertiga. Sebelum itu dan dalam hal yang berkaitan, usaha awal Tikus Rahmat selepas Proklamasi Kemerdekaan ialah memperkenalkan Prinsip Ketikusan yang digubal untuk kononnya memberi hak sama rata kepada semua tikus. Terdapat lima perkara dalam Prinsip Ketikusan dan perkara ketiga didapati berkait dengan pindaan perlembagaan yang perlu diluluskan dalam Persidangan Agung Tikus.

1. Sesungguhnya peraturan Prinsip Ketikusan boleh dipinda atau dimansuhkan, jika dipersetujui oleh 2/3 bilangan tikus.

(Hassan Ibrahim, 2001: 15)

Pindaan perlembagaan Malaysia juga boleh dipinda dalam nisbah undi bersetuju yang sama, iaitu tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahli-ahli parlimen yang hadir pada masa pengundian dijalankan. Ketetapan ini terdapat dalam Perkara 159 (3).

159 Pindaan Perlembagaan

- (3) Sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada Perlembagaan (selain pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) dan sesuatu Rang Undang-undang bagi membuat apa-apa pindaan kepada sesuatu undang-undang yang diluluskan di bawah Fasal (4) Perkara 10 tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen melainkan jika Rang Undang-undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu.

(*PP*, 2010: 196)

Berdasarkan perkara-perkara yang diutarakan di atas, iaitu nama negara, ibu negara wilayah dan pusat pentadbiran negara, pilihanraya dan parlimen, adalah jelas terdapat keselarian yang melibatkan beberapa perkara di negara Tikusia Raya dan di Malaysia. Penting juga dijelaskan bahawa adalah lumrah perkara-perkara ini digubal dalam setiap perlembagaan untuk mewujudkan suasana keadilan politik bagi seluruh masyarakat dan menjamin kesejahteraan semua rakyat di setiap negara, dengan semua rakyat daripada setiap lapisan masyarakat dianggap mempunyai peluang yang sama rata untuk menentukan arah tuju negara mereka.

KESIMPULAN

Melalui perbandingan antara kedua-dua teks ini, iaitu *TR* sebagai sebuah karya kreatif dan *PP* sebagai sebuah buku perlembagaan, dapat dikatakan bahawa memang terdapat kesejajaran yang jelas apabila membincangkan hal pembinaan negara. Apa yang terserlah ialah *TR* tidaklah digarap sebagai karya kreatif daripada imaginasi kosong penulisnya semata-mata, terutamanya apabila mengungkapkan perkara-perkara yang lumrah berlaku dalam kehidupan masyarakat. Malah, *TR* juga didapati memperagakan pandangan-pandangan yang kritis dalam hal pembinaan negara, yang rata-rata melingkungi perspektif sosial, ekonomi dan politik. Perkara-perkara ini pula didapati telah diperincikan dalam *PP* yang digubal sebagai perlembagaan yang menunjangi kerajaan persekutuan di Malaysia dan negeri-negeri dalam persekutuannya. Kesejajaran ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa kesusasteraan bandingan boleh menjadi wahana untuk melihat hubungan karya sastera dengan bidang-bidang ilmu yang lain.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan membina yang diutarakan oleh para pewasit. Sesungguhnya segala tulisan yang dikemukakan di sini adalah menjadi tanggungjawab penulis sepenuhnya.

RUJUKAN

- Bassnett, Susan. 1993. *Comparative literature: A critical introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Danziger, James N. 2007. *Understanding the political world*. New York: Pearson Education.
- Hassan Ibrahim. 2001. *Tikus Rahmat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kousoulas, George D. 1975. *On government and politics*. Belmont: Duxbury Press. Edisi Ketiga.
- Magstadt, Thomas M. 2006. *Understanding politics: Ideas, institutions, & issues*. Belmont: Thomson Wadsworth. Edisi ketujuh
- Mohd. Salleh Abas. 1984. *Sejarah perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Salleh Abas & Salleh Buang. 2006. *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Persekutuan*. 2010. Batu Caves: Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd.
- Remak, Henry H. H. 1990. *Comparative literature: Method & perspective*. Stallknecht, Newton P & Frenz, Horst (eds). Carbondale: Southern Illinois Press.
- Rodee, Carlton Clymer, Anderson, Totton James, Christol, Carl Quimby & Greene, Thomas H. 1981. *Introduction to political science*. Auckland: Mc.Graw-Hill International Book Company. Edisi Ketiga.
- Rodee, Carlton Clymer, Anderson, Totton James, Christol, Carl Quimby & Greene, Thomas H. 1983. *Introduction to political science*. Singapore: Mc.Graw-Hill Co-Singapore. Edisi Keempat.

Biodata Penulis:

Halis Azhan Mohd. Hanafiah

Penulis ialah pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Beliau berminat dalam bidang kesusasteraan bandingan, kesusasteraan kanak-kanak dan remaja dan penulisan kreatif.